



**NOTIS SEBUT HARGA
PERBADANAN PUTRAJAYA**

No. Sebut Harga : **PPj/SH(S)/JW/16/2023**

Tajuk Sebut Harga:

**CADANGAN PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERLINDUNGAN TAKAFUL HAYAT
BERKELOMPOK UNTUK PERBADANAN PUTRAJAYA BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN.**

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar **Kementerian Kewangan** di bawah kod bidang **221801 (Syarikat Insurans)** dan mempunyai lesen **Takaful Keluarga** untuk melaksanakan projek tersebut di atas.
2. Kehadiran Syarikat bagi taklimat dan lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Syarikat yang berminat boleh mendapatkan maklumat berkaitan sebut harga berkenaan pada pautan Portal Perbadanan Putrajaya.
3. Dokumen Sebut Harga boleh didapati semasa waktu pejabat pada **20 Mac 2023** hingga **23 Mac 2023** dengan bayaran secara tunai sebanyak **RM10.00 di Kaunter Jualan Tender / Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya.**
4. Syarikat dikehendaki membawa **satu (1) salinan sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan dan satu (1) salinan Lesen Takaful Keluarga**. Wakil syarikat adalah **diwajibkan** untuk membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani oleh individu yang diberi kuasa oleh syarikat bagi urusan Perolehan Kerajaan sepertimana dalam Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan untuk membeli dokumen sebut harga.
5. Semua Borang Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan ke alamat seperti di atas sebelum jam **12.00 tengah hari pada 27 Mac 2023 (Isnin)**.
6. Syarikat yang ingin berurusan di kaunter perlulah mematuhi S.O.P yang telah ditetapkan. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke spp@ppj.gov.my.
7. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppj.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my>.

(SUHAILA BINTI ELEAS)
NAIB PRESIDEN
Jabatan Kewangan
Perbadanan Putrajaya